

SEMAKAN TERMA DAN SYARAT DEPOSIT BERTEMPOH-I

Pelanggan yang dihargai,

Kami ingin memaklumkan kepada anda bahawa berkuatkuasa dari **1 Januari 2019**, akan terdapat perubahan pada Terma dan Syarat (T&S) Deposit Bertempoh-i (TD-i) mengenai pemberian **rebat (ibra) untuk pengeluaran pra-matang, di mana tiada sebarang keuntungan akan dibayar bagi semua pengeluaran pra-matang**. Pengeluaran pra-matang yang dibuat sebelum 1 Januari 2019 tidak akan tertakluk pada pindaan ini.

Dengan cara ilustrasi, pembayaran keuntungan, jika ada, adalah seperti berikut;

Tarikh Penempatan / Pembaharuan	Tarikh Pengeluaran Pramatang	Syarat Rebat (ibra ')
Sebelum 1 Januari 2019	Sebelum 1 Januari 2019	<p>Terma dan Syarat sedia ada</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Bagi setiap penempatan di bawah tempoh tiga (3) bulan, keuntungan tidak akan dibayar jika penempatan dikeluarkan sebelum lengkap sepenuhnya dalam tempoh kontrak; atau ii. Bagi penempatan melebihi tempoh tiga (3) bulan yang mana deposit tersebut dikeluarkan sebelum tamatnya tempoh tiga (3) bulan, tiada keuntungan akan dibayar; dan iii. Bagi tempoh kontrak melebihi tiga (3) bulan, keuntungan yang dibayar akan dikira pada kadar separuh daripada kadar keuntungan semasa MBSB bagi bulan penempatan yang telah lengkap, dengan syarat penempatan minimum tiga (3) bulan telah dipenuhi. iv. Bagi pembayaran keuntungan yang telah dibayar terlebih dahulu atau terdahulu, jumlah keuntungan bersih akan ditolak dengan sewajarnya dari jumlah prinsipal apabila berlaku pengeluaran pra-matang TD-i.
	1 Januari 2019 dan seterusnya	<p>Terma dan Syarat yang dipinda</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Tiada keuntungan akan dibayar untuk pengeluaran pra-matang sebelum tempoh matang untuk semua penempatan TD-i. ii. Bagi pembayaran keuntungan yang telah dibayar terlebih dahulu atau terdahulu, jumlah keuntungan bersih akan ditolak dengan sewajarnya dari jumlah prinsipal apabila berlaku pengeluaran pra-matang TD-i.
1 Januari 2019 dan seterusnya		<ul style="list-style-type: none"> i. Tiada keuntungan akan dibayar untuk pengeluaran pra-matang sebelum tempoh matang untuk semua penempatan TD-i. ii. Bagi pembayaran keuntungan yang telah dibayar terlebih dahulu atau terdahulu, jumlah keuntungan bersih akan ditolak dengan sewajarnya dari jumlah prinsipal apabila berlaku pengeluaran pra-matang TD-i.

Terma dan syarat yang dipinda akan berkuatkuasa dan dianggap muktamad selepas 21 hari dari tarikh notis ini iaitu 22 November 2018.

Untuk maklumat lanjut mengenai semakan semula T&S yang telah dikemaskini, sila layari laman web kami di www.mbsbbank.com

Sebagai alternatif anda boleh hubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami di 03-2096 3000 atau Pengurus Perhubungan anda di antara jam 8.30 pagi hingga 5.30 petang dari hari Isnin hingga Jumaat (kecuali Cuti Umum) atau e-mel di enquiry@mbsbbank.com. Anda juga boleh melawat cawangan kami yang berdekatan bagi mendapatkan bantuan atau penjelasan.

Terima kasih diatas kepercayaan dan sokongan berterusan anda terhadap MBSB Bank.

Jika terdapat sebarang pertikaian atau percanggahan di antara teks Bahasa Inggeris dan terjemahan Bahasa Malaysia ini, maka teks Bahasa Inggeris akan diterima pakai.